

## HUBUNGAN PERSEKITARAN UNIVERSITI TERHADAP NIAT KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN PELAJAR KEUSAHAWANAN

(RELATIONSHIP UNIVERSITY ENVIRONMENT WITH ENTREPRENEURIAL INTENTION  
AMONGST ENTREPRENEURSHIP STUDENT)

Ahzilah Wahid<sup>1</sup>  
Norashidah Hashim<sup>2</sup>  
Amlus Ibrahim<sup>3</sup>

### ABSTRAK

*Kajian ini bertujuan mengkaji hubungan persekitaran universiti dengan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar keusahawanan di peringkat ijazah pertama. Pendekatan kajian ini adalah kajian tinjauan melalui soal selidik. Seramai 33 orang responden telah dipilih secara berkelompok yang melibatkan pelajar yang mengikuti kelas keusahawanan dari Universiti Utara Malaysia (UUM). Di dalam kajian ini elemen persekitaran universiti terdiri daripada faktor pensyarah, kurikulum dan kokurikulum, sumber sokongan dan kitaran kampus. Elemen ini diadaptasi dari Model Kesediaan Keusahawanan Pelajar. Analisis korelasi menunjukkan faktor pensyarah mempunyai hubungan yang sangat lemah ( $p < .218$ ), kurikulum dan kokurikulum mempunyai hubungan yang lemah ( $p < .434$ ), sumber sokongan mempunyai hubungan yang kuat ( $p < .701$ ) begitu juga dengan kitaran kampus mempunyai faktor yang kuat ( $p < .545$ ). Secara kesimpulannya pengujian hipotesis menunjukkan elemen-elemen persekitaran adalah signifikan di dalam mempengaruhi niat keusahawanan.*

*Kata Kunci: Niat keusahawanan, Persekitaran Universiti, Pendidikan Keusahawanan*

### ABSTRACT

*This study aims to examine the relationship between the university environment with the intention of entrepreneurship entrepreneurship among students at the undergraduate level. The approach of this research is the survey through questionnaires. A total of 33 respondents were selected in groups involving students who attend classes on entrepreneurship from Universiti Utara Malaysia (UUM). In this study the university environment elements comprising the lecturer, curriculum and co-curriculum, campus resources and support cycles. This element is*

---

<sup>1</sup> PhD Candidate, School of Technology Management and Logistics, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah. Tel: +60122794655 E-mail: [azielawahid@yahoo.com](mailto:azielawahid@yahoo.com)

<sup>3</sup> Senior Lecturer, School of Business Management and Logistics, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah. Tel: +60193152897 E-mail: [shidah@uum.edu.my](mailto:shidah@uum.edu.my)

<sup>2</sup> Senior Lecturer, School of Technology Management and Logistics, Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah. Tel: +60124626184 E-mail: [amlus@uum.edu.my](mailto:amlus@uum.edu.my)

*adapted from the Model Availability Entrepreneurship students. Correlation analysis showed the lecturer has a very weak ( $p < .218$ ), curriculum and co-curriculum has weak correlation ( $p < .434$ ), the source has strong support ( $p < .701$ ) as well as cyclical factors campus Strong ( $p < .545$ ). In conclusion hypothesis testing shows elements of the environment is significant in influencing the entrepreneurial intention.*

*Keywords: Entrepreneurial Intention, Universiti Environment, Entrepreneurship Education*

2017 GBSE Journal

## 1.0 Pengenalan

Pendidikan keusahawanan dapat digabungkan sebagai pendidikan yang membangunkan individu yang mempunyai ciri-ciri dan kebolehan keusahawanan, memberi kesedaran tentang inovasi dan kreativiti, pengajaran pengetahuan dan kemahiran keusahawanan sama ada bagi menghasilkan perniagaan atau pun tidak (Husaini dan Ahmad, 2008; Mwasalwiba, 2010; Othman, 2002). Di samping itu juga, pendidikan keusahawanan adalah merupakan proses menyediakan individu dengan kebolehan dan keupayaan untuk mencari dan menilai peluang komersil, meningkatkan harga diri, pengetahuan dan kemahiran untuk mereka memulakan sesuatu perniagaan (Linan, 2008; Mwasalwiba, 2010; Othman & Poo, 2012).

Walau bagaimanapun menurut Pittaway & Cope, (2007) pendidikan keusahawanan merupakan satu daripada mekanisme yang penting bagi menyediakan pelajar ke arah ekonomi moden, di mana kemahiran perniagaan menjadi penting di dalam kebolehpasaran pekerjaan.

Menurut Dohse & Walter, (2012) menyatakan ilmu keusahawanan yang diajar boleh dibahagi kepada bahagian konsep keusahawanan dan bahagian kemahiran keusahawanan. Beliau juga menegaskan pendidikan keusahawanan boleh menggalakkan pelajar menganalisis alternatif dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Menurut, Li, (2011) dalam penulisannya berpandangan bahawa pendidikan keusahawanan merupakan satu instrumen utama untuk meningkatkan sikap keusahawanan bagi individu yang berpotensi untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan. Pandangan ini selari dengan pendapat (Kemat dan Yusof, 2011) menyatakan sikap keusahawanan dalam kalangan pelajar boleh dipupuk menerusi pendidikan keusahawanan.

## 2.0 Permasalahan kajian

Pendidikan keusahawanan semakin banyak ditawarkan di universiti sama ada sebagai subjek atau dalam bentuk kursus (O'Connor, 2013). Di Malaysia pendidikan keusahawanan mula diperkenalkan seawal tahun 1990an lagi. Pada tahun 2007 kursus asas keusahawanan mula diperkenalkan sebagai subjek wajib yang perlu diambil oleh setiap pelajar universiti.

Namun begitu, berdasarkan Laporan Statistik *Global Entrepreneurship Monitor* (GEM) pada tahun 2011 mendapati bahawa Malaysia masih berada dalam kalangan negara-negara yang mempunyai nilai skor yang terendah dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan iaitu 51.5% sahaja berbanding negara-negara yang mempunyai skor yang tertinggi dan sederhana seperti Colombia (89.4%), Brazil (86.3%), China (73.1%) dan Thailand (77.0%), (GEM, 2011; KPT, 2013).

Di samping itu juga, penyediaan persekitaran pembelajaran yang kondusif juga mampu melahirkan lebih ramai lagi usahawan dalam kalangan graduan (Duval-Couetil, 2013; Ismail, 2013). Penyediaan persekitaran yang baik dan kondusif terutama di universiti awam menjadi matlamat utama di dalam Pelan Strategik Pendidikan Keusahawanan IPT 2013-2015. Penyediaan persekitaran dalaman yang kondusif dan mesra pelajar mampu memupuk niat keusahawanan dalam kalangan pelajar (Hashim, 2009).

Walaupun bagaimanapun berdasarkan hasil kajian yang dijalankan oleh Nasharudin & Halimah Harun, (2010) terhadap 420 orang pelajar universiti awam menunjukkan bahawa persekitaran universiti tidak kondusif untuk memberi inspirasi kepada pelajar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya masa hadapan. Kajian ini juga mendapati bahawa pensyarah dan peluang praktikum tidak berpengaruh yang besar ke atas pelajar dalam keputusan untuk mengikuti kerjaya keusahawanan (Nasharudin & Halimah Harun, 2010). Oleh itu, timbul persoalan adakah wujud perhubungan persekitaran universiti dengan niat keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti awam khususnya.

## 3.0 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk melihat hubungan persekitaran universiti dengan niat keusahawanan. Selain itu juga mengenal pasti elemen persekitaran universiti dalam mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar keusahawanan khususnya.

## 4.0 Niat Keusahawanan

Niat adalah elemen dalam diri individu yang membawa keinginan untuk melakukan tingkah laku tertentu (Fayolle & Liñán, 2014). Menurut Kreuger, Relly dan Carsud (2000) niat yang konsisten dan kuat dapat meramalkan perilaku individu.

Berdasarkan *Theory of Reason Action* oleh Fishbein Azjen (1975) menyatakan bahawa niat adalah penentu kepada kejayaan daripada tingkah laku kerana saling lengkap melengkapi antara sikap dan perilaku. Teori banyak digunakan untuk meramalkan niat keusahawanan. Menurut Shapero dan Sokol (1982) dan juga Krueger (1993) menyatakan bahawa kecenderungan untuk bertindak diletakkan sebagai perkara asas dalam mempengaruhi niat keusahawanan.

Menurut pandangan Linan (2004) menyatakan bahawa pendidikan keusahawanan merupakan faktor dalam mempengaruhi niat keusahawanan. Pendidikan keusahawanan diakui boleh menggalak dan mengubah pembentukan tingkah laku atau meningkatkan prestasi pembukaan sesuatu usaha teroka baharu Peterman & Kennedy, 2003, Politis, 2005, Kuratko, 2005, Norashidah et al., 2009). Berdasarkan kajian kesan perhubungan pendidikan keusahawanan dengan niat keusahawanan yang dijalankan oleh Saeid, Harm, Thomas, Martin, & Mohammad Chizari, (2012). Seramai 320 orang pelajar universiti di Iran telah dipilih secara rawak sebagai sampel kajian. Hasil kajian mendapati pendidikan keusahawanan adalah signifikan positif di dalam mempengaruhi niat keusahawanan di kalangan pelajar universiti.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Fayolle dan Linan, (2014) dapati bahawa terdapat perbezaan ketara antara pelajar yang mengikuti subjek keusahawanan dan yang tidak mengikutinya. Pelajar yang mengambil subjek pendidikan keusahawanan lebih bersedia menghadapi cabaran kesukaran pasaran kerja berbanding yang tidak mengambil subjek tersebut. Namun begitu, melalui pendidikan keusahawanan juga pelajar dapat mempersiapkan diri menghadapi cabaran ke boleh pasaran kerja yang semakin sukar dalam era globalisasi (Norasmah, 2002).

Di samping itu juga, Ashley, Kibbe, & Thornton, (2014) berpandangan bahawa melalui pengalaman yang diterima oleh pelajar ketika mengikuti kursus atau program pendidikan keusahawanan mampu merencanakan masa hadapan di dalam dunia perniagaan melalui pengalaman pembukaan usaha teroka kecil dan peluang-peluang perniagaan ketika mengikuti kursus tersebut. Pendidikan keusahawanan juga dapat menguatkan jaringan kerjasama, membentuk fikiran inovatif dan sanggup mengambil risiko sehingga mampu mengembangkan orientasi kejayaan yang membuat pelajar lebih tertumpu untuk menjadi lebih profesional dan memasuki dunia kerjaya sebagai seorang usahawan (Hynes, Costin, & Birdthistle, 2011).

Kesimpulannya, niat keusahawanan boleh dipupuk bersandarkan beberapa faktor-faktor tertentu. Namun begitu dalam kontek kajian ini penyelidik dapati niat keusahawanan boleh dipupuk menerusi pendidikan keusahawanan ini selaras dengan pandangan Akmaliah dan Tarmizi (2003), Husin (2009), Linan, (2004), Othman, 2012, Hashim, (2009), Mwasailba, (2010).

## 5.0 Persekitaran Universiti

Fraser (1998) menyatakan persekitaran pembelajaran merujuk kepada konteks sosial, psikologikal dan pedagogi di mana pembelajaran berlaku yang memberi kesan kepada tingkah laku dan pencapaian pelajar. Namun begitu persekitaran seperti keluarga, rakan, komuniti, kemudahan teknologi, persekitaran institusi merupakan elemen yang dikenal pasti mempengaruhi perkembangan individu (Mok, 2008). Persekitaran institusi pembelajaran yang kondusif dan fasiliti yang mencukupi akan membantu meningkatkan aspek kognitif, afektif dan psikomotor pelajar (Hasyim, 2009).

Bagi kajian ini penyelidik menggunakan pendekatan persekitaran dalaman universiti dengan menggunakan model kesediaan keusahawanan pelajar adaptasi dari kajian yang dijalankan oleh Hashim, 2009. Model tersebut menyatakan terdapat empat elemen dalam persekitaran dalaman universiti iaitu faktor pensyarah, kurikulum dan kokurikulum, sumber sokongan dan infrastruktur dalam mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Pensyarah merupakan faktor atau pemboleh ubah yang penting dalam persekitaran IPT. Kasali (2005) telah menggariskan beberapa langkah penting dalam pendidikan keusahawanan yang perlu diambil kira oleh pensyarah. Menurut Kasali (2005) tugas pensyarah seharusnya lebih banyak sebagai fasilitator (mentor), mengawasi dan mengarahkan pelajar untuk belajar. Kesediaan dari aspek kesedaran dan sikap yang sesuai dengan pendidikan keusahawanan perlu bagi seorang pensyarah (Ronstadt, 1987). Walau bagaimanapun kesediaan seseorang pensyarah banyak di pengaruhi oleh latar belakang pendidikan, faktor budaya serta faktor sosialisasi (Hasim, 2009).

Kurikulum dan Kokurikulum merujuk kepada kandungan kursus sesuatu program pendidikan (Tanner, 1983). Menurut Othman (2002) kejayaan sesuatu program keusahawanan adalah melahirkan pelajar yang berkemahiran dengan memiliki ciri serta sikap keusahawanan dan seterusnya menjadi seorang usahawan yang berjaya bergantung pada kesesuaian kandungan kursus yang ditawarkan oleh program. Di samping penawaran kursus yang menepati keperluan dalam pengurusan perniagaan berserta latihan yang diperolehi daripada program pendidikan dan latihan keusahawanan (Maranville, 1992). Kenyataan ini menyokong pendapat Kelmer (1992) yang menegaskan bahawa perhatian yang serius perlu diberi terhadap kursus yang tawarkan dalam program kerana boleh meningkatkan tingkah laku keusahawanan pelajar.


Menurut Norashidah, (2009) infrastuktur kampus berpengaruh dalam pencetus minat keusahawanan kalangan pelajar. Oleh itu, institusi pendidikan berperanan penting dalam menggalakkan para pelajar untuk memilih kerjaya keusahawanan. Kebanyakan institusi pendidikan telah menawarkan kursus-kursus keusahawanan atau program di peringkat pra dan pasca siswazah.

Dalam kajian literatur, beberapa kajian telah menganalisis bagaimana kepentingan program keusahawanan di universiti mempengaruhi kecenderungan keusahawanan pelajar. Misalnya, kajian Gorman dan Hanlon (1997) menunjukkan bahawa ciri-ciri keusahawanan adalah positif dipengaruhi oleh program-program pendidikan. Manakala dalam kajian, Kolvereid dan Moen (1997) juga menunjukkan hubungan antara pendidikan dalam bidang keusahawanan dan tingkah laku keusahawanan. Begitu juga, kajian Galloway dan Brown (2002) menganalisis kesan program keusahawanan dan mendapati bahawa pulangan pelaburan dalam pendidikan keusahawanan adalah untuk jangka masa panjang dan bukan serta-merta. Adalah jelas bahawa pendidikan keusahawanan adalah merupakan faktor penting dalam penerimaan pelajar terhadap kerjaya keusahawanan (Henderson dan Robertson, 2000 ). Oleh itu, persekitaran universiti merupakan elemen penting dalam mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Pernyataan ini dipersetujui oleh pengkaji-pengkaji pendidikan keusahawanan.

## 6.0 Kerangka Konseptual Kajian

Rajah dibawah adalah konseptual kerangka bagi kajian ini. Pembentukan kerangka konseptual kajian ni adalah berdasarkan kepada model persekitaran dalaman yang telah diadaptasi dari Model Kesiediaan Keusahawanan Pelajar dari kajian yang dijalankan oleh Hashim (2009).

Rajah 1  
*Kerangka Konseptual Kajian*



## 7.0 Metodologi Kajian

Dalam kajian ini data yang digunakan adalah diperoleh melalui edaran borang soal selidik secara terus kepada pelajar-pelajar ketika sedang mengikuti kelas keusahawanan di UUM. Kesemua responden adalah terdiri daripada pelajar Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan dari Universiti Utara Malaysia.

Instrumen yang digunakan adalah merujuk kepada kajian-kajian terdahulu. Bagi pemboleh ubah niat keusahawanan menggunakan item soal selidik yang telah dibangunkan oleh Reitten dan Sutadi (2004) manakala bagi persekitaran universiti diadaptasi dari kajian yang telah dijalankan oleh Norahsidah (2009).

Bagi persekitaran universiti sebanyak 19 pernyataan digunakan bagi mengukur perhubungan tersebut. Pernyataan-pernyataan ini dikelaskan ke dalam 4 dimensi persekitaran dalaman univeristi iaitu terdiri daripada pensyarah, Kurikulum dan Kokurikulum, Sumber sokongan, Kitaran kampus. Manakala bagi pemboleh ubah niat keusahawaan sebanyak 10 pernyataan dikemukakan didalam borang soal selidik. Oleh itu hipotesis berikut telah dibentuk:

- H1: Hubungan positif antara faktor pensyarah dengan niat keusahawaan
- H2: Hubungan positif kurikulum dan kokurikulum dengan niat keusahawaan
- H3: Hubungan positif sumber sokongan dengan niat keusahawaan
- H4: Hubungan positif kitaran kampus dengan niat keusahawaan

Dalam melihat hubungan antara faktor-faktor persekitaran universiti terhadap niat keusahawaan, soal selidik dibentuk dengan menggunakan pendekatan skala likert menggunakan *5 point Likert Scale* yang menunjukkan 1 mewakili amat tidak setuju, “2” tidak setuju, “3” sederhana, “4” memuaskan, “5” amat memuaskan. begitu juga dengan elemen niat keusahawaan menggunakan kaedah yang sama *5 point Likert Scale*.

Keputusan kajian dianalisis menggunakan pakej perisian SPSS versi 20.0. Bagi statistik deskriptif menggunakan peratus, min dan sisihan piawai digunakan. Penentuan niat keusahawaan dan persekitaran univerisiti adalah berdasarkan kepada interpretasi skor min seperti dalam jadual 2. Manakala statistik inferensi iaitu analisis korelasi digunakan untuk mengenal pasti kekuatan perhubungan persekitaran dalaman universiti sebagai faktor yang mempengaruhi niat keusahawaan dalam kalangan pelajar keusahawaan.

Jadual 1  
*Interpretasi skor min persekitaran universiti dan niat keusahawaan*

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00 hingga 1.89	Sangat rendah
1.90 hingga 2.69	Rendah
2.70 hingga 3.49	Sederhana
3.50 hingga 4.29	Tinggi
4.30 hingga 5.00	Sangat Tinggi

## 7.1 Ujian kebolehpercayaan

Bagi mengenal pasti kebolehpercayaan data, analisis kebolehpercayaan telah dilakukan dengan menggunakan SPSS 20.0. Analisis ini digunakan untuk menilai konsistensi dalaman data yang dikumpulkan dan ia adalah antara 0 hingga 1. Cronbachs Alpha asasnya digunakan untuk mengira ketekalan dalaman data. Berdasarkan jadual 2 dibawah menyatakan nilai

kebolehpercayaan bagi item-item yang digunakan didalam borang soal selidik. Bagi persekitaran universiti 0.97 dan niat keusahawanan 0.78.

Jadual 2  
*Nilai kebolehpercayaan*

Konstruk	Nilai kebolehpercayaan ( $\alpha$ )
Persekitaran universiti	0.97
Niat Keusahawanan	0.78

## 7.2 Dapatan Kajian

### 7.2.1 Analisis Demografi Responden

Sampel responden dipilih daripada sebuah kelas yang terdapat lebih 50 orang pelajar yang sedang mengikuti subjek jaringan keusahawanan di mana kesemua pelajar didalam kelas adalah terdiri daripada pelajar yang sedang mengikuti program Ijazah sarjana muda keusahawanan. Jumlah soal selidik yang diedarkan ketika kelas bermula iaitu sebanyak 50 borang namun begitu jumlah yang dikembalikan selepas tamat kelas adalah sebanyak 33 borang sahaja. Jadual 3 adalah analisis deskriptif bagi demografi responden. Manakala rajah 1 pula menunjukkan sebanyak 52% pelajar pernah mengikuti kursus keusahawanan sebelum mengikuti program pengajian keusahawanan serta sebanyak 40% peratus belum pernah mengikuti mana-mana kursus keusahawanan sebelum mengikuti program pengajian keusahawanan ini.

Jadual 3  
*Kekerapan dan peratusan profile demografi responden*

Demografi	Kategori	Frekuensi	Peratus
Jantina	Lelaki	8	23.5
	Perempuan	25	73.5
Bangsa	Melayu	30	88.2
	Cina	3	8.8
Agama	Islam	30	88.2
	Budha	3	8.2
Umur	21 tahun	20	58.8
	22 tahun	10	29.4
	23 tahun	3	8.8
Tempat Tinggal	Kawasan Bandar	19	55.9
	Luar bandar	14	41.2
Kursus Keusahawanan	Ya	16	47.1
	Tidak	17	50.0



### 7.2.3 Dapatan Soal Selidik

Jadual 4 adalah mengukur niat keusahawanan dalam kalangan pelajar keusahawanan. Berdasarkan jadual 2, sebanyak 10 pernyataan telah dikemukakan. Hasil analisa dapati 6 soalan mencapai min skor tinggi iaitu julat antara 3.545 hingga 3.878. Item yang mencapai skor yang tertinggi adalah “peluang untuk kejayaan melalui perniagaan” dengan min skor 3.878. Manakala 4 soalan mencapai tahap min skor sederhana iaitu paling rendah adalah item “sangat sukar bagi saya untuk memulakan perniagaan iaitu min skor 3.121. Secara keseluruhan dapat di simpulkan bahawa niat keusahawanan dalam kalangan pelajar keusahawanan masih tinggi iaitu berdasarkan purata min skor 3.557.

Jadual 4

*Nilai min dan sisihan piawai Niat Keusahawanan dalam kalangan pelajar keusahawanan*

Item	Min Skor	Sisihan Piawai	Tahap
Sangat sukar bagi saya untuk memulakan perniagaan	3.121	1.053	Sederhana
Sangat mudah bagi saya untuk memulakan perniagaan	3.545	1.002	Tinggi
Peluang untuk kejayaan melalui perniagaan sangat tinggi.	3.878	0.960	Tinggi
Saya mempunyai pengetahuan yang cukup untuk memulakan perniagaan.	3.454	0.869	Sederhana
Saya mempunyai sumber daya yang cukup untuk memulakan kerjaya keusahawanan.	3.545	0.832	Tinggi
Saya mempunyai kualiti untuk memulakan pembukaan perniagaan	3.454	0.665	Sederhana
Idea untuk memulakan bisnes sangat menarik bagi saya.	3.818	0.726	Tinggi
Saya yakin saya akan menjadi seorang usahawan.	3.666	1.163	Tinggi
Saya merasa kerjaya sebagai usahawan tidak perlu bekerja keras.	3.212	1.192	Sederhana
Saya merasa menjadi usahawan sangat menarik.	3.878	0.992	Tinggi
Purata keseluruhan	3.557	0.946	

### 7.2.4 Min skor bagi persekitaran universiti

Berdasarkan jadual 5 di bawah iaitu nilai min skor bagi setiap pernyataan persekitaran universiti. Hasil analisa min skor tersebut dapati bahawa min skor bagi setiap pernyataan mencapai tahap tinggi iaitu antara 3.545 hingga 4.090. Bagi faktor pensyarah min keseluruhan adalah yang tertinggi iaitu mencapai tahap 4.0303 manakala kitaran kampus mencapai tahap purata min skor yang terendah iaitu 3.6970.

Jadual 5  
*Nilai min skor bagi setiap pernyataan persekitaran universiti*

Item	Min skor
<b>Faktor Pensyarah</b>	
Pensyarah sering mengaitkan apa yang dipelajari dengan peluang kerjaya di dalam bidang perniagaan semasa kuliah	4.090
Pensyarah berjaya menarik minat pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan	4.000
Pensyarah dapat menyampaikan dengan baik isu yang berkaitan dengan keusahawanan	4.000
<b>Min purata</b>	<b>4.030</b>
<b>Kurikulum dan Kokurikulum</b>	
Saya sering terlibat dengan aktiviti kokurikulum keusahawanan di universiti	3.575
Saya menjadi anggota persatuan yang sering terlibat dalam aktiviti perniagaan	3.545
Saya berpendapat kursus keusahawanan yang ditawarkan mampu menyediakan pelajar menjadi usahawan	4.000
Saya mendapati pelajar mempunyai banyak peluang untuk mengikuti kursus-keusahawanan hingga ke peringkat pasca siswazah	4.060
<b>Min purata</b>	<b>3.795</b>
<b>Sumber sokongan</b>	
Saya ada peluang untuk mendapat bantuan pinjaman modal dari universiti	3.848
Saya sering mendapatkan perkhidmatan dari pusat pembangunan perniagaan kecil yang ditubuhkan oleh pihak universiti	3.656
Saya mudah mendapat maklumat tentang keusahawanan melalui bahan yang diterbitkan oleh pihak universiti	3.757
Saya mempunyai banyak peluang menyertai pertandingan Rancangan Perniagaan yang dianjurkan oleh pihak universiti	3.757
<b>Min purata</b>	<b>3.755</b>
<b>Kitaran kampus</b>	
Saya percaya bahawa kedudukan kampus ini mampu membantu saya membentuk hubungan dengan perniagaan setempat	3.757
Saya yakin bahawa lokasi kampus ini membolehkan saya membina jaringan dengan usahawan dan pelabur setempat	3.666

Saya yakin bahawa lokasi kampus ini membolehkan saya membina jaringan dengan usahawan bagi tujuan praktikum dan pemantauan	3.666
<b>Min purata</b>	<b>3.697</b>

#### 7.4.5 Perhubungan Persekitaran Universiti dengan Niat Keusahawanan

Analisis korelasi digunakan untuk menguji sejauh mana terdapat kekuatan perhubungan yang positif antara persekitaran universiti dengan niat keusahawanan. Jadual 6 menunjukkan nilai korelasi tersebut. Hasil pengujian menunjukkan faktor pensyarah mempunyai hubungan yang sangat lemah ( $p < .218$ ), kurikulum dan kokurikulum mempunyai hubungan yang lemah ( $p < .434$ ), sumber sokongan mempunyai hubungan yang kuat ( $p < .701$ ) begitu juga dengan kitaran kampus mempunyai faktor yang kuat ( $p < .545$ ).

Jadual 6  
*Perhubungan antara persekitaran universiti dengan niat keusahawanan*

Faktor	Niat keusahawanan
Faktor Pensyarah	.218
Kurikulum dan kokurikulum	.434
Sumber sokongan	.701
Kitaran kampus	.545

\*\* *Korelasi signifikan pada aras 0.01 (2-hujung)*

\* *Korelasi signifikan pada aras 0.05 (2-hujung)*

### 8.0 Perbincangan

Hasil dapatan kajian mendapati bahawa pelajar mempunyai persepsi yang tinggi dalam kerjaya keusahawanan. Kenyataan ini selari dengan pendapat Bird (1989) apabila beliau menegaskan bahawa keputusan memilih kerjaya keusahawanan banyak dipengaruhi oleh persepsi seseorang individu. Pendapat ini juga selari dengan teori tingkah laku terancang yang dicadangkan oleh Azjen (1991) yang menyatakan bahawa tingkah laku seseorang berupaya meramal pilihan mereka terhadap sesuatu perkara.

Namun begitu faktor pensyarah dalam mempengaruhi niat keusahawanan pelajar adalah kurang memberangsangkan. Menurut pendapat Norasmah (2002) pensyarah perlu kreatif dan inovasi dalam mengajar subjek keusahawanan. Jones dan Iredale (2010) menekankan kepentingan pensyarah apabila memperkenalkan pendidikan keusahawanan. Pendidikan keusahawanan termasuk kedua-dua kaedah formal dan tidak formal, Hynes (1996) menyatakan bahawa pensyarah perlu mencari keseimbangan antara perspektif akademik dan pengamal untuk memindahkan pengetahuan konseptual dan akademik ke dalam aplikasi praktikal.

Bagi elemen kurikulum dan kokurikulum, Gorman dan Hanlon (1997) menyatakan bahawa ciri-ciri keusahawanan adalah positif dipengaruhi oleh program-program pendidikan. Manakala dalam kajian, Kolvereid dan Moen (1997) juga menunjukkan hubungan antara pendidikan dalam bidang keusahawanan dan tingkah laku keusahawanan adalah signifikan.

Manakala bagi sumber sokongan dan kitaran kampus menunjukkan hubungan yang kuat dalam mempengaruhi niat keusahawanan dalam kalangan pelajar. Menurut (Abdullah, 2012) dalam kajiannya menyatakan persekitaran yang kondusif akan menemukan peluang-peluang yang akhirnya menemukan pembukaan usaha teroka baharu. Begitu juga dengan pendapat Buang (2005) dalam kajian model pemikiran keusahawanan menyatakan faktor persekitaran pencetus kepada memilih idea perniagaan dan sebagai sumber idea perniagaan.

## 1.10 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengaruh persekitaran institusi pengajian serta pendidik akan memberikan impak yang besar terhadap pembangunan individu dari segi aspek fizikal, intelek, emosi dan sosial (Mok 2008). Pendidik yang cekap dalam pengurusan pengajaran dan pembelajaran akan menghasilkan individu yang kompeten, terpelajar, tingkah laku yang baik dan bertanggungjawab. Pelajar juga akan memperolehi ilmu dan kemahiran yang mampu menyumbang kepada pembangunan negara (Mok 2008). Mok (2008) juga menyatakan bahawa persekitaran institusi pembelajaran yang kondusif dan fasiliti yang mencukupi akan membantu meningkatkan aspek kognitif, afektif dan psikomotor pelajar.

## Rujukan

- Ashley, C., Kibbe, S., & Thornton, S. (2014). Experiential Learning in Second Life: A Simulation in Retail Management. *Experiential Learning in Second Life: A Simulation in Retail Management*, 3(2).
- Baharu Kemat, Mohammed Zain Yusof, N. E. (2011). Entrepreneurial Intention: An Empirical Study of Community College Students in Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 14, 45–58.
- Dohse, D., & Walter, S. G. (2012). Knowledge context and entrepreneurial intentions among students. *Small Business Economics*, 39, 877–895.
- Duval-Couetil, N. (2013). Assessing the Impact of Entrepreneurship Education Programs: Challenges and Approaches. *Journal of Small Business Management*, 51(3), 394–409.
- Fayolle, A., & Liñán, F. (2014). The future of research on entrepreneurial intentions. *Journal of Business Research*, 67(5), 663–666.
- Fraser, B. J. (1998). Classroom environment instruments: Development, validity and applications. *Learning environments research*, 1(1), 7-34.
- Gorman, G., Hanlon, D., & King, W. (1997). Some research perspectives on entrepreneurship education, enterprise education and education for small business management: a ten-year literature review. *International small business journal*, 15(3), 56-77.

- Galloway, L., & Brown, W. (2002). Entrepreneurship education at university: a driver in the creation of high growth firms?. *Education+ Training*, 44(8/9), 398-405.
- Henderson, R., & Robertson, M. (2000). Who wants to be an entrepreneur? Young adult attitudes to entrepreneurship as a career. *Career Development International*, 5(6), 279-287.
- Hynes, B., Costin, Y., & Birdthistle, N. (2011). Practice-based learning in entrepreneurship education: A means of connecting knowledge producers and users. *Higher Education, Skills and Work-Based Learning*, 1(1), 16–28.
- Ismail, M. Z. (2013). Entrepreneurship education: an insight from Malaysian polytechnics. *Journal of Chinese Entrepreneurship*, 5(2), 144–160.
- Krueger, N.F., Reilly, M.D., & Carsrud, A.L. (2000). Competing models of entrepreneurial intentions. *Journal of Business Venturing*, 15(5-6), 411-432.
- Krueger, N. F., & Carsrud, A. L. (1993). Entrepreneurial intentions: applying the theory of planned behaviour. *Entrepreneurship & Regional Development*, 5(4), 315-330.
- Kolvereid, L., & Moen, Ø. (1997). Entrepreneurship among business graduates: does a major in entrepreneurship make a difference?. *Journal of European industrial training*, 21(4), 154-160.
- Li, J. (2011). An Introduction of Teaching Model for Entrepreneurship Education. In *2011 International Conference on Management and Service Science* (pp. 1–4). IEEE.
- Liñán, F. (2008). Skill and value perceptions: how do they affect entrepreneurial intentions? *International Entrepreneurship And Management Journal*, 4, 257–272.
- Maranville, S. (1992). Entrepreneurship in the Business Curriculum. *Journal of Education for Business*.
- Muhammad Haron Husaini & Khairul Anuar Ahmad. (2008). Kemahiran Keusahawanan : Satu Kajian Analisis Kandungan. *Prosiding SKIKS*, 409–472.
- Mwasalwiba, E. S. (2010). Entrepreneurship education: a review of its objectives, teaching methods, and impact indicators. *Education + Training*, 52(1), 20–47.
- Nasharudin, N., & Halimah Harun. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 35(1), 11–17.
- O'Connor, A. (2013). A conceptual framework for entrepreneurship education policy: Meeting government and economic purposes. *Journal of Business Venturing*, 28(4), 546–563.
- Othman, N. (2002). *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja Norasmah Othman*. PhD Theses, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Othman, N., & Poo, B. T. (2012). Impak globalisasi dan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti. In *Prosiding Perkem Vii* (Vol. 1, pp. 435–445).
- Peterman, N E, & Kennedy, J 2003, 'Enterprise education: influencing student's perceptions of entrepreneurship', *Entrepreneurship: Theory and Practice*, vol. 28, no. 2, pp. 129-144.
- Pittaway, L., & Cope, J. (2007). Entrepreneurship Education: A Systematic Review of the Evidence. *International Small Business Journal*.
- Politis, D. (2005). The process of entrepreneurial learning: A conceptual framework. *Entrepreneurship theory and practice*, 29(4), 399-424.

- Ronstadt, R. (1987). The Educated Entrepreneurs: A New Era of Entrepreneurial Education is Beginning. *American Journal of Small Business*, 11, 37–53.
- Saeid, K., Harm, B. J. ., Thomas, L., Martin, M., & Mohammad Chizari. (2012). The Role of Entrepreneurship Education in Developing Students ' Entrepreneurial Intentions. *The 10th Proceedings of WICaNem 2012*.
- Shapero, A., & Sokol, L. (1982). The social dimensions of entrepreneurship. *Encyclopedia of entrepreneurship*, 72-90.
- Tanner, L. N. (1983). Curriculum History and Educational Leadership. *Educational Leadership*, 41, 38.